

Sisa darah, tulang tidak diurus dengan baik

DBKL tutup serta-merta tiga pusat sembelihan ayam kotor

Oleh NORAFIZA JAAFAR
KUALA LUMPUR

Tiga pusat sembelihan ayam di Kampung Cheras Baru di sini diarah tutup serta-merta oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) selepas pemeriksaan mendapati kesemuanya beroperasi dalam keadaan kotor.

DBKL dalam satu kenyataan menjelaskan, operasi bersepadu melibatkan 21 petugas Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar itu mendapati pengusaha tidak mengambil berat dalam aspek pematuhan kebersihan kerana meletakkan ayam yang telah diproses di atas lantai kotor.

"Selain itu, air sisa darah, tulang dan bulu ayam juga dilepaskan terus ke longkang awam. Pusat sembelihan ini juga didapati tidak mempunyai loji rawatan air yang sesuai dan air digunakan untuk membersihkan ayam tidak diganti secara berkala.

"Selain beroperasi tanpa lesen, kesemua pekerja yang terdiri daripada warga asing didapati tia-



Pegawai penguat kuasa memeriksa pusat sembelihan ayam yang terletak di Cheras Baru, Kuala Lumpur pada Sabtu.



da suntikan typhoid serta tiada sijil pengendalian makanan," menurut perkongsiannya di Facebook.

Susulan itu katanya, sebanyak tiga notis perintah penutupan premis dikeluarkan di bawah UUK 28 (1) Undang-undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan berkuat kuasa serta-merta.

"Selain itu, tiga kompaun di ba-

wah Seksyen 47(1)(d) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974, dua kompaun di bawah seksyen 23(3)(b) dan tiga kompaun di bawah seksyen 33(3) UUK Pelesenan Petempatan Makanan (WPKL) 2016 turut dikeluarkan kepada pihak operator.

"DBKL juga akan merujuk kes ini kepada Jabatan Agama Islam, Jabatan Alam Sekitar serta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk tindakan susulan," tambahnya.